

AJARAN SESAT DAN BAHAYANYA TERHADAP AGAMA DAN NEGARA¹

Oleh:
Hj. Zamihan Hj. Mat Zin al-Ghari²
Penolong Pengarah
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)

1. PENDAHULUAN

Fenomena kemunculan ajaran sesat seringkali berlaku. Kewujudannya merentasi masa, tempat dan keadaan. Sama ada di zaman awal peradaban Islam³ di alaf millenium mahupun akan datang. Paparan isu kebanyakannya didedahkan oleh pihak media secara terbuka. Memandangkan ia berkait rapat dengan agama, maka perhatian terhadapnya diberi satu tumpuan.

Isu ajaran sesat bersifat subjektif. Ia memerlukan penjelasan terperinci. Al-Qur'an al-Karim telah mengingatkan kita tentang bentuk kesesatan dari pelbagai sudut. Antaranya, kesesatan hawa nafsu, kejahatan, pujuk rayu syaitan dan pengaruh persekitaran sama ada dari teman, perubahan masa dan keadaan.

Tentunya indikasi ajaran sesat @ ajaran salah berbeza dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Sesuatu fahaman atau ajaran tidak dikatakan salah atau sesat kecuali jelas kandungannya bertentangan dengan sumber perundangan Islam. Sehubungan itu, kita memerlukan definisi yang tepat dalam memahami hakikat ajaran sesat.

¹ Dibentangkan dalam Seminar Pemantapan Aqidah dan Perpaduan Ummah Negeri Melaka 2008 anjuran bersama Majlis Agama Islam Melaka, Jabatan Mufti Negeri Melaka, Persatuan Ulama Negeri Melaka dan Persatuan Pegawai Syarak Negeri Melaka pada 3 April 2008M/26 Rabi'ul Awwal 1429H di Auditorium Masjid Al-Azim, Bukit Palah, Melaka.

² Beliau ialah Hj. Zamihan Hj. Mat Zin al-Ghari. Berumur 31 tahun. Berasal dari Gua Musang, Kelantan. Mempunyai B.A. Hons. dalam Syariah & Pengajian Islam di Universiti Mu'tah, Jordan. M.A. (Hons) UKM dalam bidang Tasawuf dan Tarekat. Sedang mengikuti Ph.d di UKM di bidang Usuluddin & Falsafah. Bekas Guru Agama, Mudir Maahad Tahfiz. Dan kini bertugas sebagai Penolong Pengarah Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), JAKIM, Bangi, Selangor. Keterangan lanjut mengenai beliau boleh dicapai melalui: www.al-ghari@blogspot.com

³ Kemunculan Nabi palsu seperti Musaylamah al-Kazzab, Sajah, al-Aswad bin Yazid al-Ansi. Golongan Ahli Sunnah sepakat secara *ijma'* bahawa sesiapa sahaja yang mengaku menjadi Nabi selepas kewafatan Nabi s.a.w. adalah kafir lagi murtad (Abd al-Qahir al-Baghdadiyy, *al-Farq Bayn al-Firaq*, 1997, hlm. 302)

Justeru, kertas kerja ini ditulis bertujuan untuk memberi penerangan mengenai ajaran sesat, ciri-ciri, pendekatan dan ringkasan kandungannya.

2. DEFINISI

Skop definisi adalah tertumpu kepada tajuk yang diamanahkan kepada penulis untuk menghuraikannya. Terdapat dua perkataan yang perlu diberi perhatian:

- 2.1 **Bahaya:** ialah sesuatu yang memberi ancaman atau kemudharatan kepada manusia. Sama ada berbentuk perkataan, perbuatan atau pegangan.
- 2.2 **Ajaran Salah @ Sesat:** ialah sesuatu ajaran, fahaman atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam tetapi bukan dari ajaran Islam⁴. Bahkan bertentangan dengan ajaran Islam. Contohnya seperti ajaran Taslim⁵, Qadyani, Bahai, Ahmad Laksamana, Hasan Anak Rimau dan lain-lain.

Sebahagian besar isu ajaran salah @ sesat melibatkan umat Islam. Dan segelintirnya pula melibatkan golongan bukan Islam. Mereka berjinak-jinak dengan ajaran Islam tetapi memasukinya melalui jendela atau atau atap agama. Akhirnya, cara hidup mereka menyimpang dari landasan Islam.

Memandangkan isu ajaran sesat melibatkan maruah Islam dan umatnya maka memahami, menghindari dan menyusun atur langkah proaktif dalam membendung penularannya merupakan satu keutamaan. Hal ini penting bagi mempertahankan kesucian Islam agar terus dipelihara untuk selama-lamanya.

3. CIRI-CIRI AJARAN SALAH @ SESAT

Setiap sesuatu mempunyai asas atau ciri-ciri tertentu untuk dikenal pasti. Pengenalan terhadap ciri-ciri sesuatu ajaran membantu kita untuk memahami posisi dan jenis ajaran sesat. Bahkan

⁴ Diringkaskan dari pengertian Ajaran Sesat oleh JAKIM: www.islam.gov.my/sesat/BM

⁵ Dikenal pasti sebagai ajaran sesat yang paling lama bertapak di Tanah Melayu. Ajaran ini dibawa oleh Mohamad Bin Shafie @ Mohamad Matahari pada akhir abad ke-19. Ajaran ini bermula di Kg. Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Mereka juga menggelarkan diri mereka sebagai 'ikhwan'.

indikasi ajaran atau fahamannya pula bertentangan dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Antara ciri-ciri ajaran salah atau sesat ialah:

3.1. Menyalahi Prinsip Sumber Perundangan Islam

Iaitu sesuatu ajaran itu didapati bertentangan dengan al-Qur'an, al-Sunnah, *Ijma'* dan *Qiyas*. Mana-mana ajaran yang bertentangan dengan sumber di atas secara automatik tertolak.⁶ Dan boleh diklasifikasi sebagai ajaran salah @ sesat. Contohnya, seseorang mendakwa mendapat wahyu dari malaikat dan mengaku diri sebagai nabi yang diutuskan selepas kenabian Muhammad s.a.w.

Dakwaan ini adalah sesat lagi menyesatkan kerana al-Qur'an, al-Sunnah dan *Ijma'* secara tegas menjelaskan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. itu adalah penutup Nabi-Nabi dan para Rasul.⁷

3.2. Berhubungan Dengan Kuasa Jin, Syaitan Dan Iblis

Mereka yang mendokong ajaran ini percaya dengan yakin bahawa terdapat kuasa-kuasa ghaib dan luar biasa selain dari Allah s.w.t.⁸ Dan kuasa-kuasa itu boleh dipohon oleh individu tertentu melalui cara yang tersendiri. Islam turut memperakukannya⁹. Tetapi kuasa mutlak itu adalah milik Allah jua bukannya kuasa yang berasingan dari-Nya.

Untuk dilihat mempunyai kuasa atau kesaktian yang luar biasa pemimpin atau pengamal ajaran sesat sanggup memuja sesuatu yang boleh mendatangkan kuasa pada diri mereka.

⁶ Ia bersesuaian dengan hadith *sahih* riwayat Sayyidatina 'A'isyah: "*Barangsiapa yang melakukan rekacipta (tokoh-tambah) dalam urusan kami maka ia tertolak*".

⁷ Mana-mana ketetapan asas agama yang didasarkan kepada al-Qur'an, al-Sunnah secara *qat'iy* dan *Ijma'* ulama adalah dikira sebagai sesuatu yang perlu diketahui umum (*ma'lum min al-din bi al-dharurah*) oleh seseorang muslim. Dan mengingkarinya dikira sebagai kafir dan keluar dari Islam secara jelas.

⁸ MUIS, *Ajaran Sesat di Singapura*, t.th, hlm. 54.

⁹ Antara kuasa luar biasa sememangnya berlaku di kalangan manusia seperti mukjizat untuk para Nabi dan Rasul sahaja), *karamah* (berlaku bagi hamba Allah yang *salih*), *ma'unah* (melibatkan orang awam yang biasa seperti tidak tercedera walaupun keretanya remuk dalam kemalangan jalanraya), *istidraj* (kejadian luarbiasa berlaku bagi seseorang yang kufur lagi ahli maksiat) dan sihir (sesuatu kejadian luar biasa dialami seseorang hasil amalan tertentu yang dibantu jin atau syaitan).

Walaupun cara tersebut menyalahi aturan agama. Termasuklah menggunakan perantara roh, jin, hantu dan syaitan. Bagi mereka, perantara kuasa syirik ini penting demi melebarkan pengaruh dan kepercayaan masyarakat terhadap mereka. Pemujaan tersebut kadang menatijahkan sesuatu yang luarbiasa. Dan kadang tidak berganjak dari situasi yang normal. Oleh itu, tidak hairanlah jika seseorang yang tidak mendirikan solat boleh berjalan di atas air atau terbang di udara.¹⁰ Perbuatan tersebut dilihat berlaku secara luar biasa dari adat manusia hasil bantuan dan tipu daya makhluk halus seperti jin, syaitan dan iblis.

Memandangkan masyarakat kita begitu teruja dengan perkara ajaib dan luar biasa maka perbuatan itu menarik minat mereka. Lalu sesetengah kita menganggap sesuatu kejadian pelik itu sebagai '*karamah*'. Sedangkan ia adalah *istidraj* bukannya *karamah*. Mereka sebenarnya tertipu. *Karamah* ialah satu kemuliaan. Ia dikurniakan kepada hamba-hamba Allah yang *salih* lagi warak.¹¹ Di mana cara hidup mereka bukan sekadar menepati tuntutan agama tetapi mereka begitu teruja menjaga galakan dan adab-adab yang terkandung di dalam agama Islam itu sendiri.

3.3. Mengaitkan Unsur-Unsur Tarekat, Mitos, Persilatan Dan Perbomohan

a) Unsur Tarekat:

Jika kita membuat kajian didapati banyak fahaman sesat di negara ini mengaitkan fahaman dengan unsur tarekat atau kesufian. Hakikatnya, tarekat kesufian adalah sesuatu yang benar dan luhur. Ia merupakan satu disiplin ilmu yang dirangka oleh ulama bagi menyampaikan manusia kepada Allah.

Namun, tidak semua manusia yang mengerti tentang tarekat. Apatah lagi untuk mengenal sesuatu hakikat sekaligus dijadikan anjakan untuk mencapai makrifat. Hasilnya, mereka berminat dengan pendekatan tarekat namun tidak mengenali tarekat secara hakikat. Akhirnya, mereka memilih jalan '*shortcut*' untuk mencari habuan terdekat. Lalu, tarekat yang benar berlumur dengan ajaran sesat.

¹⁰ Umar al-Suhrawardi, '*Awarif al-Ma'arif*', hlm. 64.

Lantaran itu kita dapati sesetengah daripada kita menyandarkan ajaran mereka kepada Naqsyabandiyah, Ahmadiyah, Syathariyyah, Rifa'iyah dan lain-lain supaya mudah diterima dan diyakini masyarakat. Sedangkan intisari fahaman dan ajaran mereka sebenarnya melencong dari disiplin ilmu tarekat.

Ada juga jenama tarekat yang tidak ada kena mengena dengan tarekat yang muktabar. Antaranya seperti Ajaran *Tarekat Rimau*, *Tarekat dan Mengenal Diri*, *Tarekatul Islam*, *Tarekat Kabullani*, *Tarekat Mufaridiyyah*, *Tarekat Zikir Laga Lutut* dan lain-lain lagi.

Kesimpulannya, walaupun sesetengah ajaran menisbahkan fahaman mereka kepada tarekat tertentu namun terdapat beberapa elemen untuk kita membuktikan kesahihan penisbahan berkenaan. Elemen seperti ijazah, silsilah, kepimpinan, rujukan, amalan dan sumbangan perlu dijadikan mekanisme bagi menjustifikasikan sesuatu dakwaan sama ada berstatus benar atau salah.

b) Mitos¹²:

Selain penisbahan tarekat, golongan ajaran sesat juga mencipta mitos untuk meyakinkan pengikut mereka tentang kehebatan Guru atau Syeikh mereka. Mereka mencipta pelbagai cerita. Antaranya seperti Guru atau Syeikh mereka handal bersilat, berilmu kebal, boleh melayang di udara, boleh ghaib serta boleh melakukan pelbagai perbuatan yang luar biasa.

Kebiasaannya, cerita rekaan atau dongengan ini disampaikan oleh murid kanan atau mereka yang lebih senior dalam sesuatu ajaran. Mereka juga menampilkan beberapa individu sebagai saksi atas keterangan mereka. Bagi mereka yang mempunyai asas agama yang lemah cerita sebegini sedikit sebanyak mempengaruhi minda mereka. Tetapi bagi mereka yang memiliki asas agama yang kuat cerita sebegini ditolak berasaskan mekanisme syari'at yang jelas.

¹² Mitos ialah cerita tentang seseorang atau sesuatu yang tidak benar atau direka-reka, dongeng; http://www.karyanet.com.my/knet/index.php?tpf=kamus_Dewan

c) Persilatan:

Golongan ajaran sesat juga menjadikan persilatan sebagai senjata perjuangan mereka. Pelbagai jenis silat dan ilmu pertahanan diri diperagakan. Adakalanya bertepatan dengan kehendak agama. Iaitu silat yang berlandaskan kepada aturan tenaga fizikal dan spritual serta dipelajari secara benar untuk mempertahankan diri. Selain itu, banyak pula seni silat yang bertentangan dengan Islam diajarkan. Antaranya seperti amalan bersilat dengan memanggil roh¹³, silat kebatinan tradisional yang bercampur dengan kepercayaan lain, silat berunsur jampi serapah yang bertentangan dan banyak lagi.¹⁴

d) Perbomohan:

Unsur perbomohan juga adalah merupakan satu unsur yang sinonim di dalam aktiviti ajaran sesat. Unsur *bid'ah* dan kepercayaan khurafat digunakan untuk menyembuhkan pesakit. Kebanyakannya proses pengubatan menggunakan makhluk halus seperti jin dan seumpamanya. Lantaran itu, kita selalu mendengar kalimah jampi serapah yang pelik-pelik, pelbagai bahasa, nama individu, panglima atau tokoh tertentu turut diseru. Kesempatan itu dipergunakan mereka bagi mempengaruhi emosi pesakit supaya mempercayai bahawa amalan yang dilakukan oleh bomoh berkenaan benar-benar berkesan.

3.4. Fanatik Kepada Ketua Atau Pemimpin

Meletakkan *Syeikh* atau Ketua ke taraf yang amat tinggi. Iaitu satu tahap yang melebihi had kebiasaan manusia sehingga mencecah tahap *Dewa*, *Wali* atau *Nabi*. Bahkan wujud arahan dan kepercayaan bahawa sesuatu maksud tidak akan berhasil kecuali dengan kekuasaan *Syeikh* tersebut.¹⁵

¹³ Istilah ini dipergunakan secara meluas. Sebenarnya manusia yang hidup tidak berhak memanggil roh. Ini kerana arwah yang baik akan dikumpul oleh Allah di *Dar al-Baydha'*. Manakala roh yang jahat yang dihumban dan ditahan di *Sijjin*. Sebenarnya mereka bukan memanggil roh, tetapi syaitan yang meresapi ke dalam tubuh mereka menyebabkan mereka boleh melakukan perkara-perkara yang luar biasa melibatkan ilmu persilatan.

¹⁴ Sila lihat *Garis Panduan Silat Menurut Islam*, JAKIM, hlm 6-13.

¹⁵ Islam menggalakkan manusia menghormati sesama manusia. Tetapi melarang untuk kita meletakkan seseorang ke taraf *Dewa*, *Wali* atau *Nabi* kerana tiada lagi Nabi selepas dari kebangkitan Nabi kita Muhammad s.a.w. Rujuklah Surah al-Ahzab ayat 40.

Tradisi ajaran sesat juga melarang atau menghalang para muridnya memberi perhatian kepada guru-guru yang lain. Halangan ini dilakukan kononnya para murid dapat memberi tumpuan kepada ajaran mereka. Dan tumpuan kepada guru yang lain dikhuatiri menghalang seseorang dari mendapat sesuatu limpahan dari *syekh*-nya itu.¹⁶ Bahkan dibimbangi murid berkenaan membocorkan maklumat ajaran mereka yang menyalahi syari'at.

Sebahagian besar pengikut ajaran sesat hanya mengikuti dengan taat tentang apa yang diajar oleh guru mereka. Walaupun ajaran atau amalan tersebut menyalahi syari'at Islam. Segelintir mereka pula tahu asas agama tetapi tidak berani membantah kononnya dikhuatiri terkena sumpahan atau badi tertentu dari gurunya. Inilah sebahagian gambaran sikap fanatik dengan ajaran yang dibawa.

3.5. Semberono Dalam Pengambilan Hukum Dan Fatwa

Aktiviti ajaran sesat secara asasnya berdasarkan kepada nafsu dan semangat amalan semata-mata. Mereka tidak menjadikan ilmu sebagai wacana teras dalam ajaran mereka. Situasi ini menjadikan kepercayaan atau tindakan mereka **tidak berpaksikan** kepada sumber ilmu yang jelas. Malah, ia dilihat sebagai keputusan akal yang bebas dari individu atau kumpulan tertentu sahaja. Hasilnya, segala ketentuan hukum seperti wajib, sunat, harus, haram dan makruh diabaikan. Malah batasan hukum dilanggar dan dipermainkan dengan sewenang-wenangnya.

Contohnya, ajaran Tok Garang dari Kuala Terengganu mendakwa gurunya seorang Wali. Para pengikutnya terdiri dari kelompok yang istimewa dan tidak perlu lagi mendirikan solat. Malah kelompok mereka hanya perlu beratib beramai-ramai di atas rakit dengan menyusuri sungai sahaja. Sedangkan ketentuan mendirikan solat adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang mencukupi syarat-syaratnya. Dan tiada sesiapaupun yang boleh menafikan kewajibannya. Sebarang penafian rukun agama menyebabkan seseorang itu dihukum kafir dan murtad dari Islam.

Kesimpulannya, ternyata ajaran ini dan selainnya menjadikan hukum-hakam agama sebagai mainan dalam ajaran mereka. Berbeza dengan tradisi Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang menjadikan syari'at itu sebagai jalan kehidupan untuk menuju Allah.

¹⁶ Ajaran Sesat di Singapura, hlm 57.

3.6. Bersifat Tertutup Dan Banyak Berahsia

Ajaran sesat kebiasaannya disebarikan secara tertutup. Mereka yang menganggotai sesuatu ajaran kebanyakannya mempunyai pertalian erat antara satu sama lain. Contohnya, hubungan di antara Ketua dengan orang kanannya adakalanya melibatkan adik-beradik, sepupu, saudara terdekat atau kenalan terdekat.

Hal ini dilihat penting bagi mereka supaya segala maklumat ajaran dapat dirahsiakan dari pengetahuan awam. Dan *modus operandi* mereka juga tidak dapat dihidu sewenang-wenangnya oleh pihak berkuasa. Keadaan ini membolehkan mereka menyebarkan ajaran ini dengan selesa tanpa sebarang gangguan dari pihak berkuasa.

Selain itu, mereka juga menjadikan tempat-tempat yang berlokasi strategik sebagai markas ajaran mereka. Kebiasaannya, lokasi yang dipilih adalah kawasan pedalaman, kawasan terpencil lagi sunyi, perumahan mewah, flat tertentu, kawasan hutan, tanah milik individu sebagai pusat aktiviti.

Penganut sesuatu ajaran pula kebiasaannya bersikap pasif. Mereka kelihatan tidak suka bergaul dengan masyarakat. Bahkan tidak mengambil peduli terhadap isu-isu yang berlaku. Apa yang penting bagi mereka ialah ajaran mereka dapat diamalkan tanpa diganggu gugat oleh sesiapa.

Situasi ini berbeza dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang menggalakkan kita mengambil berat urusan dunia demi tujuan akhirat. Firman Allah s.w.t. di dalam Surah al-Qasas, ayat 77 berbunyi:

﴿ وَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ ۚ إِنَّكَ أَنتَ عَلَىٰ عِندِ رَبِّكَ مُبْصَرٌ ﴿٧٧﴾
 ﴿ وَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ ۚ إِنَّكَ أَنتَ عَلَىٰ عِندِ رَبِّكَ مُبْصَرٌ ﴿٧٧﴾

Maksudnya:

“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan

pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."

Kesimpulannya, sikap seseorang yang mempelajari sesuatu secara 'rahsia' dan tertutup boleh mengundang tafsiran yang salah terhadap agama. Dan kemungkinan besar sikap sebegini memberi peratusan yang tinggi untuk seseorang terlibat dengan ajaran sesat. Metod ini sengaja dipergunakan oleh ketua atau pemimpin ajaran sesat supaya operasi mereka tidak diganggu masyarakat dan pihak berkuasa.

3.7. Beranggapan Benar Dan Ekstremis

Antara ciri teras ajaran sesat ialah mereka selalu menganggap fahaman, kepercayaan dan amalan mereka sahaja yang benar. Pemilikan kuasa luarbiasa di kalangan guru atau pemimpin mereka dijadikan satu bukti bahawa mereka benar-benar direstui oleh Allah s.w.t.

Mereka benar-benar menjadikan *istidraj* atau *sihir* sebagai kosmetik untuk mengaburi mata para murid mereka. Kejadian luar biasa dan keistimewaan itulah menambahkan keyakinan mereka terhadap jalan yang dipilih. Bahkan menganggap amalan atau kepercayaan mereka sebagai satu perjuangan. Mereka percaya bahawa sesiapa sahaja yang dilihat cuba mengganggu ajaran mereka akan ditentang habis-habisan.

Sebagai contoh, seorang dari kumpulan Ajaran Sesat Empat Sahabat pimpinan Syed Mutalib Kg. Kedap, Rantau Panjang, Kelantan mati ditembak dalam pertempuran dengan pihak keselamatan.¹⁷

Di samping itu, ada juga segelintir umat Islam kini yang menganggap mereka Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang sebenar. Mereka telah menggelar diri mereka dengan pelbagai gelaran yang baik, seperti *Firqatul Najjyyah*, *Thaifah al-Mansurah*, *al-Sawad al-A'zham*, *Ahli Sunnah*, *Ahli Hadis*, *Salafiyah* dan lain-lain. Dan dalam masa yang sama mereka menganggap golongan yang tidak sehaluan dengan mereka sebagai ahli *bid'ah* atau menokok tambah agama.

¹⁷ Kenyataan ehsan dari Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Kelantan (JAHEIK).

Anehnya, metodologi Ahli Sunnah yang diperagakan mereka mengeneppikan aqidah Ahli Sunnah yang dirintis oleh golongan Asya'irah dan Maturidiyyah, menolak Mazhab Empat yang muktabar, menolak tasawwuf, menggunakan ayat-ayat *mutasyabihat* secara zahir, mengetengahkan isu *bid'ah* secara berleluasa dan banyak lagi isu yang dipermainkan mereka. Dalam masa yang sama, mereka begitu mengagungkan Syeikh Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad 'Abd al-Wahhab, al-Albaniyy, Syeikh 'Abd Allah bin Baz, Syeikh 'Uthaymin dan lain-lain lagi.

Isu-isu yang dicetuskan mereka adakalanya berstatus *usul* dan adakalanya berstatus *furu'*. Kekadang mereka menjadikan isu *furu'* untuk mengkafir, mem-*bid'ah* dan menyesatkan umat Islam yang tidak selari dengan fahaman mereka. Identiti mereka dikenali dengan fahaman *Wahhabi* atau *Salafi Wahhabi* atau *Salafi Modern*.

Posisi mereka secara umumnya adalah dari Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Namun, jika dikaji secara khusus metodologi mereka bertentangan dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Dan penularan fahaman ini perlu disekat supaya keharmonian fahaman, amalan dan kepercayaan agama di negara ini tidak tergugat.

Kesimpulannya, ajaran sesat merupakan ajaran atau amalan yang bercanggah dengan ketentuan al-Qur'an, al-Sunnah, *al-Ijma'* dan *Qiyas*. Teras percanggahan ini melibatkan aqidah, syari'ah dan akhlak. Oleh itu, ciri-ciri sesuatu ajaran atau amalan penting diketahui secara jelas supaya penarafan terhadap boleh dibuat sama ada ia berstatus salah, sesat atau menyeleweng.

4. BENTUK-BENTUK AJARAN SALAH @ SESAT

Di nusantara, khususnya Malaysia terdapat tiga bentuk ajaran sesat. Antaranya:

4.1. Kumpulan Yang Membawa Dan Menyebarkan Ajaran Sesat

Maksudnya sesuatu ajaran itu dibawa dan disebarkan dalam sebuah kumpulan tertentu. Kumpulan ini mempunyai carta organisasi yang tersusun yang dipimpin oleh seorang ketua atau pemimpin serta dibantu oleh orang kanannya. Kebiasaannya ia dianggotai oleh pengikut yang ramai, mempunyai dana dan pengaruh tersendiri. Bahkan membentuk satu kumpulan yang kuat

dan amat sukar untuk dihapuskan dalam jangkamasa yang pendek. Justeru, tidak hairanlah jika taktik ini dipergunakan oleh sebahagian besar pemimpin ajaran sesat atau menyeleweng di negara kita.

4.2. Ajaran Sesat Yang Hanya Wujud Sebagai Satu Ajaran Sahaja

Ajaran bentuk ini hanya diketuai oleh seorang guru dan diikuti oleh pengikut-pengikut yang terhad dan tidak berorganisasi. Kumpulan ajaran ini biasanya tidak kuat dan mudah terhapus setelah pemimpinnya dikenakan tindakan atau bertaubat kembali ke jalan yang benar.

4.3. Ajaran Sesat Yang Wujud Dalam Bentuk Media

Ketahuilah bahawa media cetak dan media elektronik juga turut dipergunakan sebagai medium dakwah ajaran sesat atau menyeleweng. Jika kita meninjau premis perniagaan toko-toko buku didapati terdapat buku-buku tertentu dijual secara bebas di pasaran.

Buku-buku seperti *Hakikat Insan*, *Tasawuf al-Haq*, tulisan anti hadis, Islam Liberal, Wahhabiyyah, Syi'ah, al-Arqam dan lain-lain masih berlegar dalam ruangan media cetak walau pelbagai tindakan telah diambil untuk mengatasinya.

Sesetengah aliran pula menjadikan media elektronik sebagai medium propaganda. Caranya dengan mengetengahkan tokoh-tokoh mereka membincangkan isu-isu agama melalui media arus perdana. Maka tidak hairanlah televisyen kita kita selalu menyiarkan kenyataan beberapa tokoh yang beraliran Wahhabiyyah dan Liberal bagi membicarakan isu-isu agama kontemporari. Menyebabkan masyarakat menjadi gempar lantaran keliru dengan kenyataan yang dipersembahkan mereka.

Kekadang, media elektronik seperti televisyen, radio dan *website* tidak dipantau dan dikawal selia dengan baik. Kesempatan ini diambil oleh mereka untuk menyebarkan dakwah kepada masyarakat secara terbuka. Sedikit sebanyak usaha ini memberi keuntungan kepada mereka.

Kesimpulannya, ajaran sesat di Malaysia dipersembahkan dalam pelbagai bentuk yang berbeza. Walau apa jua persembahan mereka, kita perlu proaktif dengan perkembangan. Bahkan menyusun atur langkah yang bersepadu dan menyeluruh bagi menangani sebarang kemunculan dan penyebaran ajaran yang sesat lagi menyeleweng ini dari menular.

5. BAHAYA TERHADAP AGAMA

5.1. Merosakkan Aqidah Seseorang

Seseorang yang melibatkan diri dengan ajaran sesat menyebabkan aqidahnya menjadi rosak. Adakalanya kerosakan aqidah itu menjadikannya *kufur* dan murtad, sesat atau menyeleweng dari landasan Islam yang sebenar. Oleh itu, dia wajib bertaubat dan kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.

5.2. Gejala Pencemaran Aqidah Dan Murtad Berleluasa

Berdasarkan kepada beberapa kajian yang dilakukan didapati bahawa cetusan ajaran sesat membawa kepada pencemaran aqidah seseorang. Jika aqidah yang suci menjadi tercemar dan bercampur baur dengan najis ajaran sesat ia secara automatik menghakis ketulenan agama yang diperagakan al-Qur'an dan al-Sunnah. Manusia tidak lagi beriman dengan Allah dan Rasul-Nya. Malah turut mempercayai adanya kuasa-kuasa ajaib yang lain selain dari Allah. Situasi ini sekaligus menjadikan amalan murtad berleluasa. *Na'uzu billah min zalik*.

Kesimpulannya, pemerintah perlu bertindak dan mendakwa mereka yang terlibat dengan ajaran sesat. Dan mereka sewajarnya dikenakan hukuman mengikut bidang kesalahan yang telah dilakukan. Sama ada pesalah itu dikenakan hukuman *hudud*¹⁸, *qisas*¹⁹ atau *ta'zir*²⁰. Bentuk hukuman seperti ini adalah perlu bagi menyelamatkan nyawa, aqidah, harta benda, maruah dan keturunan seseorang. Memandangkan ketentuan ini dari Allah, maka kita perlu yakin dengan Allah dengan melaksanakan perundangan yang telah ditetapkannya.

¹⁸ Hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah akan kadar atau hadnya seperti zina, minum arak dan lain-lain.

¹⁹ Jika terlibat dengan kes membunuh atau mencederakan orang awam atau pihak berkuasa.

²⁰ Hukuman selain *hudud* dan *qisas*. Ia diputuskan atas budi bicara pemerintah sama ada dirotan, dipenjara atau kompaun dengan wang ringgit.

5.3. Masa Terbuang Dengan Aktiviti Tidak Berfaedah

Kebanyakan mereka yang terlibat dengan ajaran sesat menghabiskan masa mereka dengan aktiviti yang tidak bermanfaat. Mereka ternyata menyia-nyiakan nikmat anugerah Allah s.w.t. Antara aktiviti yang bertentangan dengan agama ialah seperti memuja, melakukan perbuatan syirik, amalan khurafat dan seumpamanya.

Di samping itu, ibadat yang diperintahkan pula seperti solat, puasa dan lain-lain tidak diendahkan. Bahkan ditinggalkan dengan begitu sahaja. Bagi mereka amalan ibadat itu hanya ditentukan oleh ketua atau guru mereka sahaja. Keasyikan mereka terhadap sesuatu amalan menyebabkan mereka tidak terasa rugi walau meninggalkan suruhan agama. Bahkan menentang ketentuan agama dengan anugerah Allah s.w.t. Namun, apabila mereka kembali ke pangkal jalan mereka mula terasa bahang kerugiannya. Al-Qur'an secara jelas memerintahkan kita supaya bijak menguruskan masa. Firman-Nya:

Maksudnya:

“Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”

5.4. Mengganggu Agenda Pembangunan Islam

Kemunculan ajaran sesat sama ada berskala kecil atau besar tidak syak lagi mengganggu agenda pembangunan Islam yang dicetuskan oleh pemerintah sesebuah negara. Ini kerana pemerintah, khususnya pihak berkuasa agama terpaksa mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit yang banyak untuk membasmi pengaruh ajaran sesat.

Fokus terhadap ajaran sesat menyebabkan tumpuan terhadap agenda pembangunan ummah dan pemeriksaannya beralih arah dan terbantut.

Para ulama pula tidak banyak mampu menyumbangkan idea yang bernas kepada pemerintah lantaran pola pemikiran mereka telah ditumpukan kepada ajaran sesat. Jika tenaga dan keringat ulama diperlukan untuk menghadapi ajaran sesat, siapa pula yang

bertanggungjawab merangka agenda pembangunan Islam bagi pihak pemerintah? Fikir-fikirkanlah.

Tidak syak, kedua-duanya sama penting. Tetapi kita harus bertindak menurut kerangka keutamaan. Manakala penyebaran ajaran sesat perlu disekat sedari awal supaya kita tidak memerlukan tenaga yang maksimum untuk menghapuskannya.

6. BAHAYA TERHADAP NEGARA

Isu ajaran sesat bukan sekadar menjejaskan kepentingan agama tetapi turut menjejaskan kepentingan negara. Antaranya:

6.1. Minda Tertutup Dan Dikongkong

Tindakan dan kelakuan pengikut ajaran sesat kebanyakannya tidak rasional. Sikap ini timbul hasil budaya fanatik yang disemai oleh ketua atau pemimpin ajaran mereka. Mereka mengesampingkan fungsi akal dan ajaran agama. Sebaliknya mentaati ajaran ketua melebihi segala-galanya. Hal ini menyebabkan fikiran mereka tertutup dan benar-benar dikongkong. Mereka tidak berfikir tentang diri sendiri. Apatah lagi untuk mengambil tahu hal ehwal keluarga, masyarakat dan negara.

6.2. Kehidupan Tidak Stabil

Seseorang yang terlibat dengan ajaran sesat menjadikan hidupnya tidak seimbang antara tuntutan duniawi dan ukhrawi. Ini kerana penglibatannya itu menjadikan dirinya berada di persimpangan dilema dalam mencari pegangan dan amalan hidup yang sebenarnya. Dia juga tidak merasai nikmat hidup beragama dengan penuh ketenangan. Bahkan hidupnya terasa kosong tanpa sebarang pengertian dan kesudahan.

6.3. Tanggungjawab Terabai – Runtuhnya Institusi Kekeluargaan

Apabila seseorang yang terlibat dengan ajaran sesat tidak mengendahkan tuntutan agama, dia juga pastinya tidak mengambil berat tanggungjawabnya dalam menguruskan hal ehwal diri dan keluarganya. Senario ini menjadikan pengurusan diri dan keluarganya terabai. Pengabaian tanggungjawab diri dan keluarga menyebabkan kehidupan mereka berantakan dan tidak stabil. Keperluan asasi anak isteri tidak dipenuhi dengan sebaiknya. Akhirnya membawa keruntuhan kepada institusi kekeluargaan.

6.4. Mengancam Keselamatan Negara

Sejarah mencatatkan bahawa fenomena kemunculan ajaran sesat mampu mengancam keselamatan negara. Sebagai contoh:

- a) Pada 19 Ogos 1979, seramai 4 orang pengikut *Ilmu Kasyaf* pimpinan Hj. Kamaruddin @ Abdullah Sani Kajang mati terbunuh dalam satu peristiwa di Kerling, Selangor.
- b) Pada 16 Oktober 1980, seramai 8 orang dari kumpulan ajaran sesat pimpinan Ahmad Nasir Kemboja yang mengaku sebagai Imam Mahdi telah terbunuh setelah mereka menyerang dan mencederakan anggota yang bertugas di Balai Polis Batu Pahat, Johor.
- c) Pada 7 Julai 1979, Tajul Ariffin yang mengaku dirinya Imam Mahdi telah mencederakan Hj. Damanhuri Hj. Abdul Wahhab, Imam Masjid Rapat Setia, Ipoh, Perak.

Kesimpulannya, paparan fakta di atas membuktikan kepada kita bahawa tindakan kumpulan ajaran sesat mengancam keselamatan negara. Maka sayugianya, pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu membuat pemantauan terhadap kemunculan dan pergerakan mereka dari semasa ke semasa.

6.5. Menggugat Kestabilan Politik Dan Ekonomi Negara

Sesebuah negara yang mengalami fenomena ajaran sesat berskala besar terpaksa menanggung beberapa risiko politik dan ekonomi.

Dalam bidang politik, sesuatu ajaran tidak ketinggalan menjadikan tokoh politik tertentu sebagai sasaran mereka. Walaupun tidak secara langsung, pautan terhadap tokoh politik sudah cukup untuk dijadikan 'kubu' atau perisai bagi mempertahankan ajaran mereka dari diusik pihak tertentu. Dan apabila pihak pemerintah mengambil tindakan keras terhadap ajaran berkenaan maka tokoh-tokoh politik yang dilihat menaungi mereka secara automatik terkena tempasnya.

Apabila tokoh politik dalaman dilihat tidak lagi dapat membantu mereka, mereka akhirnya menggunakan isu 'murtad' dan 'hak asasi manusia' sebagai senjata terakhir. Senjata ini kerap digunakan dan seringkali mendapat campurtangan antarabangsa. Lantas menjadikan proses membendung ajaran sesat semakin sukar dan menggugat kestabilan politik dalaman sebuah negara.

Manakala dari sudut ekonomi, negara pula terpaksa menghabiskan masa, tenaga dan perbelanjaan yang banyak untuk menghapus sesuatu ajaran sesat. Tentunya ada pula golongan yang menjadi mangsa.

Faktor ketidakstabilan politik dan kekacauan setempat menyebabkan aktiviti ekonomi tidak dapat dijalankan dengan baik. Wujudnya masyarakat yang tidak proaktif terhadap kegiatan ekonomi. Pelabur asing pula khuatir untuk datang melabur. Situasi ini sekaligus merencatkan pertumbuhan dan melemahkan prestasi ekonomi negara.

7. FAKTOR KEMUNCULAN

Terdapat beberapa faktor fenomena kemunculan ajaran sesat di negara kita. Antaranya ialah:

7.1. Jahil Ilmu Agama

Zaman ini adalah satu zaman yang memanasifasikan kejahilan manusia. Ilmu dicabut dengan kematian para ulama yang benar lagi warak. Sebahagian besar umat Islam selesa dengan cara hidup mereka. Budaya hedonistik semakin menjadi-jadi. Akibatnya, tanggungjawab memahami agama dilupakan. Ilmu asas fardhu *'ain*: seperti aqidah, syari'ah dan akhlak dipinggirkan. Manakala ilmu keduniaan materialistik diutamakan. Kemuncaknya, muncullah masyarakat yang jahil tentang agama tetapi sensitif dengan isu-isu agama. Lalu banyak membuat tafsiran dan

kesimpulan yang bebas dalam agama. Fenomena ini secara tidak langsung menjadi faktor kemunculan ajaran sesat atau menyeleweng.

Kejahilan terhadap sumber utama ajaran Islam jua telah mendorong seseorang itu mempelajari Islam dari sumber yang tidak wajar. Sehingga ia membuat kesimpulan dan membina kefahaman yang salah tentang Islam. Hasil dari kesilapan itu diajarkan pula kepada orang lain.

7.2. Aqidah Yang Rapuh

Apabila kejahilan menguasai hidup, manusia sanggup menjadi musuh terhadap apa yang tidak diketahuinya. Ilmu aqidah kurang mendapat perhatian. Tetapi isu berkaitan dengannya diberi tumpuan. Akhirnya, kita hanya juara dalam perbualan sahaja. Sedangkan penguasaan ilmu aqidah tidak sampai ke mana. Jika kita membuat observasi, hanya beberapa orang sahaja yang benar-benar memahami aqidah Islam. Faktor ini menyebabkan pegangan aqidah menjadi longgar dan rapuh. Akhirnya menjerumuskan seseorang ke dalam ajaran sesat atau menyeleweng.

7.3. Lemah Spiritual

Selain itu, tenaga spiritual yang lemah juga turut menjadi faktor keterlibatan seseorang dengan ajaran sesat. Sebahagian besar umat Islam kini kurang mengambil berat soal spiritual. Bacaan surah tertentu, *hizb*, *zikir*, *wirid*, *doa* selamat kurang diamalkan. Manakala solat-solat sunat dianaktirikan begitu sahaja. Amalan-amalan sunat pula dipandang sebelah mata. Akhirnya hati menjadi kering dan jiwa menjadi kosong menjadi tandus. Justeru, tidak hairanlah jika mereka yang berjiwa lemah mudah terpengaruh dengan ajaran sesat.

7.4. Mudah Terpengaruh

Tidak dinafikan bahawa pengaruh orang terdekat seperti saudara-mara dan rakan-rakan juga turut menjadi faktor keterlibatan seseorang dengan ajaran sesat. Imam Tirmizi meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"Agama seseorang itu berada di bawah pengaruh temannya. Maka hendaklah dilihat siapa yang menjadi temannya."

Keterangan lain menjelaskan bahawa jika kita bersahabat dengan orang yang kotor, kekotoran seseorang itu turut terpalit kepada kita. Dan jika kita bersahabat dengan penjual minyak wangi, maka kewangian itu juga turut mewangikan kita. Justeru, perhatikanlah golongan mereka yang mendampingi kita. Ambillah kebaikan darinya dan jangan sesekali terpengaruh dengan kebejatan yang terhasil dari fahaman dan tingkah laku mereka.

7.5. Teruja Dengan Ilmu Kerohanian

Manusia lazimnya dilengkapi dengan unsur spiritual dan cenderung kepada ilmu kerohanian. Kemajuan spiritual manusia bergantung kepada pengisian yang dilakukan oleh tuannya. Jika spiritual manusia diisi dengan pengisian agama yang benar ia akan memajukan nilai kemanusiaan itu sendiri. Islam ternyata menyediakan solusi kehidupan yang lengkap dalam membentuk spiritual yang sempurna. Sekaligus mencerna kekuatan modal insan sejagat. Namun, jika spiritual manusia dicerna dengan pengisian yang salah menyebabkan jiwanya menjadi bobrok dan huru-hara. Justeru, pengisian jiwa memerlukan item yang selari dengan tuntutan agama.

7.6. Mengambil Jalan Mudah

Kebanyakan manusia hari ini mengambil jalan mudah dalam memahami agama. Mereka sengaja memilih pendapat yang paling ringan lagi *syaz* dalam menegakkan pendapat dan amalan mereka. Sebenarnya, metod seperti ini adalah sesuatu yang terlarang dalam disiplin ilmu agama. Kerana manusia hanya memilih sesuatu pendapat yang secocok dengan hawa nafsu mereka sahaja. Situasi ini menjadikan hawa nafsu sebagai tunggangan hidup. Akhirnya turut menjadi faktor kemunculan ajaran sesat.

7.7. Penguatkuasaan Yang Lemah

Tiba masanya untuk kita menambahbaik sistem perundangan Islam kita ke arah memantapkan lagi pengurusan Islam di Malaysia. Khususnya dalam kes yang berkaitan dengan isu ajaran

sesat dan penyelewengan aqidah. Ternyata hukuman RM 3,000, 5 tahun penjara atau 6 kali sebatan sudah tidak relevan lagi dan perlu ditambah baik. Hal ini penting supaya bidang penguatkuasaan bukan hanya bertindak sebagai penghukum, tetapi dilihat sebagai badan yang mendidik masyarakat. Khususnya berkaitan dengan ajaran sesat.

7.8. Tidak Prihatin

Sesetengah dari masyarakat kita tidak prihatin dengan apa yang berlaku. Mereka tidak peka dengan pendedahan yang dilakukan pihak autoriti agama ataupun media tentang sesuatu ajaran sesat atau menyeleweng. Hasilnya, mereka masih lagi terlibat dengan ajaran sesat yang sama walau telah berkali-kali diambil tindakan oleh pemerintah dan dipapar media.

7.9. Pengaruh Luar

Perlu diingat bahawa musuh-musuh Islam seperti pelampau Yahudi, Kristian, Hindu dan lain-lain sentiasa bekerja untuk mencari jalan memusnahkan Islam. Sama ada secara zahir mahupun tersembunyi. Mereka melancarkan beberapa propaganda, mencipta idea, aliran pemikiran dan mencetus budaya semasa untuk mengikis jatidiri umat Islam. Hal ini perlu dititikberatkan oleh pemerintah supaya identiti dan jatidiri umat Islam dapat dipelihara sebagaimana yang diwarisi dari Baginda s.a.w.

8. GOLONGAN BUKAN AHLI SUNNAH

Apabila kita membicarakan tentang ajaran sesat kita juga perlu mendedahkan sebahagian dari intisari ajaran mereka. Hal ini penting supaya masyarakat jelas dengan identiti mereka yang sebenar. Pengenalan identiti yang ringkas ini diharapkan memberi input kepada pembaca bahawa golongan ini sebenarnya bukan dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Antara ajaran sesat atau menyeleweng kontemporari ialah:

8.1. Pelampau Syi'ah

- a) Fanatik kepada Sayyidina 'Ali *karrama Allah wajhah* dan keturunannya.
- b) Menganggap al-Qur'an kini tidak sempurna.

- c) Melakukan ibadah secara *taqiyyah* (pura-pura).
- d) Mengamalkan nikah *mut'ah* (kontrak).
- e) Solat dengan menggunakan tanah dari Karbala'.
- f) Menanti kemunculan Imam Mahdi – Hasan al-'Askariyy.
- g) Percaya tentang *al-bada'*, *raj'ah*.
- h) Terbahagi kepada beberapa puak.
- i) Bergerak dalam MLM/DPMM.

8.2. Pelampau Wahhabi @ Salafi Moden

- a) Fanatik Ibn Taimiyyah/Ibn Qayyim dan Muhammad 'Abd al-Wahhab, al-Albaniyy dan lain-lain.
- b) Mempraktik *nusus mutasyabihat* secara zahir.
- c) Memahami konsep *bid'ah* secara *ghuluw* (melampau).
- d) Mudah mengeluarkan hukum dan fatwa.
- e) Men-*takfir* dan menyesatkan umat Islam dengan perkara *furu'*.
- f) Memaksa mengikut pendapat mereka.
- g) Fahaman bersifat ekstrem dan radikal.
- h) Tidak menghormati perselisihan pendapat.

8.3. Islam Liberal

- a) Memahami Islam menurut barat.
- b) Bermula era 80an di Amerika Utara.
- c) Dicituskan oleh pemikir Yahudi.
- d) Disebarluas berdasarkan prinsip rasional.
- e) Memecahbelah umat Islam.
- f) Agennya: Sisters In Islam, Zainah Anwar, Astora Jabat, Farish Noor dan lain-lain.

8.4. Ajaran Hassan Anak Limau @ Rimau / Ayah Pin

- a) Tiada guru dan kitab agama muktabar.
- b) Fanatik terhadap guru dan ajaran.

- c) Mengaku sebagai Tuhan.
- d) Mendakwa sebagai utusan para Nabi dan Dewa-dewa.
- e) Mendakwa tidak perlu bersolat.
- f) Mendakwa al-Qur'an sebagai merepek.
- g) Hari kiamat tidak wujud.
- h) Mendakwa menguasai Kerajaan Langit.
- i) Mendakwa bersetubuh dengan guru menghapus dosa.

8.5. Ajaran Al-Arqam @ Rufaqa'

- a) Mendakwa bertemu Nabi s.a.w. secara jaga.
- b) Mengamalkan Aurad al-Muhammadiyah.
- c) Mengaku sebagai pemuda Bani Tamim.
- d) Fanatik kepada Syeikh Abuya.
- e) Boleh berunding dengan malaikat untuk ahlinya.
- f) Hanya dalam kelompok mereka.
- g) Sukar menerima pandangan orang lain.

8.6. Fahaman Black Metal

- a) Menghina kewujudan Tuhan semua agama.
- b) Pemujaan syaitan dalam muzik dan lirik lagu.
- c) Menggunakan simbol-simbol syaitan.
- d) Aktiviti dijalankan secara rahsia.
- e) Mengoyak dan membakar al-Qur'an.
- f) Fanatik kepada ketua.

8.7. Fahaman Jangan Ikut Tuhan (JIT)

- a) Tiada pegangan agama.
- b) Mengamalkan pemujaan syaitan.
- c) Mempunyai upacara tersendiri.
- d) Mengoyak dan membakar al-Qur'an.

- e) Bersifat fanatik.
- f) Tidak suka bergaul dengan masyarakat.

8.8. Fahaman Anti Hadith

- a) Hanya menggunakan al-Qur'an sahaja.
- b) Tidak mahu menerima hadith sebagai sumber perundangan Islam.
- c) Mendakwa hadith perlu dinilai semula.
- d) Banyak menggunakan logik akal.
- e) Taasub kepada sesuatu pandangan.
- f) Tidak mahu menerima pandangan orang lain.
- g) Ejen: Jemaah Al-Qur'an Malaysia (JAM): Kassim Ahmad dan kumpulannya.

8.9. Senarai Ajaran Sesat Yang Lain

- a) Komunisme/Sekularisme/Orientalisme.
- b) Ajaran Bahtera Nabi Nuh.
- c) Ajaran Rasul Palsu Mariam.
- d) Ajaran Ahmad Nakhoda.
- e) Ajaran Ahmad Laksamana.
- f) Ajaran Hj. Kahar.
- g) Ajaran Bahai.
- h) Ajaran Qadyani.
- i) Ajaran Pemuda Al-Kahfi.
- j) Ajaran Tok Garang.
- k) Ajaran Zikir Laga Lutut; dan lain-lain.

9. LANGKAH-LANGKAH KE ARAH AHLI SUNNAH

- a) Menuntut ilmu melalui guru yang muktabar.
- b) Menggunakan kitab yang diiktiraf para ulama.
- c) Ikhlas dan *tawaddu'* dalam menuntut ilmu.
- d) Mempelajari ilmu bermanfaat dan peka dengan perkembangan semasa.

- e) Mempunyai kekuatan fizikal, mental, emosional dan spiritual.
- f) Pendidikan dan dakwah berterusan.
- g) Jauhkan perasaan ingin mencuba.
- h) Memperkasakan undang-undang.

10. KESIMPULAN

Kajian ini menemukan kita beberapa kesimpulan sebagai rumusan keseluruhan. Antaranya ialah:

- a) Kita perlu berpegang teguh dengan al-Qur'an dan al-Sunnah, iaitu menggunakan disiplin dan metodologi yang jelas dalam memahaminya. Sebarang pentafsiran al-Qur'an perlu merujuk *mufassirin*. Manakala huraian hadith perlu merujuk kepada *muhaddithin*.
- b) Umat Islam perlu menambah nilai *iman* dan *taqwa* setiap masa bagi menghadapi apa jua bentuk cabaran yang mendatang.
- c) Setiap individu sewajarnya menghindarkan diri daripada terlibat dengan ajaran salah/sesat. Bahkan perlu bertindak sebagai mata dan telinga pemerintah dalam usaha menanganinya kerana tanggungjawab agama adalah tanggungjawab semua individu muslim.
- d) Kita perlu merujuk pihak berautoriti agama bagi menentukan kesahihan sesuatu fahaman, amalan atau pegangan. Pendapat individu bukanlah sesuatu yang muktamad. Bahkan tidak boleh dijadikan mekanisme pemutusan terhadap sesuatu ajaran.
- e) Semua pihak perlu prihatin dengan isu fahaman atau ajaran yang menyeleweng dari landasan Islam. Hal ini penting supaya isu-isu berkaitan dapat ditangani dengan baik dan berhikmah demi kesucian agama, maruah bangsa dan keperluan negara.